

## Penduduk *tarik nafas lega*

Peruntukan RM1.6 juta bagi kerja baik pulih bumbung diluluskan KPKT

**BANDARBUKIT MAHKOTA** – Penduduk Pangsapuri Nuri kini boleh menarik nafas lega apabila Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan sebanyak RM1.6 juta bagi membaik pulih bumbung di lapan blok kawasan itu.

Pengerusi Perbadanan Pengurusan (MC) bangunan ini, Mohammad Fauzi Husain berkata, masalah bumbung rosak dihadapi oleh penduduk di sini sejak lima tahun lalu.

“Saya sudah panjat dan melihat keadaan bumbung ini, ia agak kritikal. Masalah ini akan bertambah teruk apabila musim hujan,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengucapkan terima kasih kepada KPKT yang sudi men-

dengar keluhan serta aduan penduduk di kawasan ini.

“Saya amat terkejut bantuan yang disalurkan oleh kerajaan persekutuan, saya berharap penduduk juga dapat membayar yuran penyelenggaraan kepada MC untuk melancarkan lagi kerja baik pulih di kawasan ini,” katanya pada sidang media ketika lawatan Pegawai Tugas-Tugas Khas kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Johan Abdul Aziz.

Sementara itu Johan berkata, pihaknya melihat bumbung sedia ada di kediaman itu kualitinya dipercayai rendah.

“Bumbung ini seperti boleh dilipat macam tikar, kesian kepada penduduk yang menghuni di tingkat empat,

**INFO** • Masalah bumbung rosak dihadapi penduduk sejak lima tahun lalu

kalau hujan pasti air akan masuk ke dalam rumah,” katanya.

Beliau berkata, projek baik pulih bumbung ini dijangka akan dilaksanakan pada bulan depan.

“Kerja baik pulih dijangka selesai dalam tempoh dua bulan, ia bergantung kepada keupayaan kontraktor yang akan melaksanakan kerja baik pulih ini,” katanya.

Dalam perkembangan sama, Ketua Umno Cawangan Bandar Bukit Mahkota, Razali Abdul Wahab berkata, pihaknya juga berterima kasih ke-



Johan (kiri) melihat keadaan bumbung yang rosak.

pada Menteri KPKT, Tan Sri Noh Omar yang sentiasa fokus menyelesaikan isu penduduk yang mendiami pangsapuri kos sederhana dan rendah.

“Penduduk juga harus menghargai, tindakan pantas kerajaan persekutuan menyelesaikan masalah rakyat

ini,” katanya.

*Sinar Harian* pernah melaporkan isu yang dibangkitkan oleh penduduk di sini pada 5 Mac lalu, penduduk memohon kerajaan persekutuan untuk mengeluarkan peruntukan bagi membaik pulih bumbung bocor di lapan blok apartmen

berkenaan.

Ketua Blok E pangsapuri berkenaan, Mohammad Zahari Mohammad Isa, berkata, penduduk sering membangkitkan masalah bumbung berkenaan antaranya apabila hujan lebat, kawasan koridor di tingkat empat akan dipenuhi air.